

Produk RM177.6 juta berjaya dijual

SYARIKAT Malaysia yang mengikuti lawatan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ke Venezuela berakhir semalam, berjaya menjual produk bernilai AS\$49.9 juta (RM177.6 juta), manakala projek usaha sama yang berpotensi dan masih dibincangkan dianggar bernilai kira-kira AS\$61.2 juta (RM217.8 juta).

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata 107 majlis perbincangan diadakan antara 30 wakil 23 syarikat dan agensi Malaysia dengan 110 wakil syarikat di Venezuela.

Beliau berkata, produk dijual termasuk bahan binaan, kimia, produk kesihatan dan penjagaan; komponen komputer, produk ICT, barangan berasas kelapa sawit dan komponen kabel optikal.

"Projek usaha sama pula membatik perkhidmatan internet, pengurusan ladang getah, kad pintar

dan e-pasport serta pembinaan rumah dan infrastruktur. Masih ada rundingan dijalankan tetapi belum dimuktamadkan dan kita harap dapat dilakukan secepat mungkin," katanya.

Rafidah yakin sasaran tiga kali ganda dalam masa terdekat yang ditetapkan Perdana Menteri mungkin boleh dicapai dengan usaha sama

sektor swasta. Ketika ini pun sektor swasta sudah mencapai lebih AS\$40 juta.

Beliau berkata, kejayaan paling besar ialah penubuhan Jawatankuasa Ekonomi dan Pelaburan peringkat menteri yang dipengeruskannya bersama seorang menteri dari Venezuela.

Jawatankuasa itu sama seperti yang ditubuhkan di negara lain bertujuan meningkatkan dagangan dan pelaburan dua hala serta kerjasama dagangan di dunia ketiga.

Rafidah berkata, selari dengan jawatankuasa peringkat menteri juga ditubuhkan majlis jawatankuasa perdagangan Malaysia-Venezuela.

"Mereka akan menubuhkan majlis perdagangan yang lengkap untuk peringkat seterusnya. Saya akan kembali ke Venezuela pada suku pertama tahun depan untuk mengadakan mesyuarat jawatankuasa dua hala serta membawa delegasi perniagaan un-

tuk tindakan susulan.

"Saya yakin ramai lagi apabila mendengar potensi di Venezuela, berminat datang ke sini," katanya.

Katanya, Venezuela mempunyai ekonomi mono produk, iaitu minyak dan mahu mempelbagaikan ekonomi mereka.

"Disebabkan asas mereka sama dengan kita dari segi iklim, kesesuaian tanah dan sebagainya, mereka berharap sama ada kerajaan atau swasta boleh membantu.

"Halangan di Venezuela ialah kekurangan maklumat dan sehubungan itu Miti akan menggunakan Matrade di Miami untuk memberikan maklumat," katanya.

Rafidah berkata, Presiden Hugo Chavez mencadangkan supaya ditubuhkan dana kewangan bersama yang dibiayai kerajaan atau menerusi mekanisme sedia ada untuk membolehkan syarikat berkenaan mendapat pembiayaan.

FAKTA NOMBOR

Usaha sama Malaysia-Venezuela

107

Majlis perbincangan

23

Syarikat dan agensi Malaysia